

26/05/2003

Usah gadai Umno untuk kepentingan diri

Cikgu Rahim

KEPUTUSAN Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Seri Lim Ah Lek meletakkan jawatan masing-masing sebagai Presiden dan Timbalan Presiden MCA adalah suatu pengorbanan perpaduan MCA.

Memahami bahawa kepentingan parti dan perjuangan bangsa mendahului kepentingan diri dan kumpulan menyebabkan kedua-dua pemimpin itu sanggup mengundur diri. Ia juga bagi memberi peluang generasi muda untuk menerajui

MCA ke arah yang lebih cemerlang.

Kesanggupan mereka melepaskan jawatan demi perpaduan parti, seharusnya menjadi iktibar kepada ahli Umno. Ini seperti yang pernah diungkapkan oleh

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa perjuangan Umno untuk bangsa, agama dan negara.

Oleh itu, demi perpaduan Umno dan perjuangannya yang masih belum selesai, saranan Perdana Menteri itu seharusnya dihayati oleh semua ahli Umno.

Janganlah kita menggadaikan perjuangan yang besar dan mulia ini dengan matlamat untuk kepentingan diri dan kumpulan.

Kita seharusnya memuhasabah diri demi kepentingan bangsa dan agama. Jika

peranan kita sekadar untuk kepentingan diri dan kumpulan kecil, adalah lebih baik memberi peluang kepada generasi pelapis yang lebih berwibawa untuk memimpin parti.

Apalah besar sangat kedudukan sebagai ketua cawangan atau ketua bahagian berbanding presiden atau timbalan presiden.

Perjuangan Umno tidak akan tergugat jika ahli parti sentiasa berpegang kepada asas perjuangan untuk membela bangsa dan agama.

Sebaliknya, Umno akan tersisih daripada majoriti orang Melayu jika pemimpinnya sekadar memperjuangkan kepentingan sekelompok kecil dari kalangan mereka.

Masih belum terlambat untuk ahli Umno membetulkan kembali landasan perjuangan mereka yang agak tersasar daripada perjuangan asal disebabkan arus pemodenan dan pembangunan.

Seminar, forum, ceramah dan risalah perlu diada dan disebarikan agar ahli

Umno kembali menghayati dengan penuh iltizam perjuangan yang termaktub dalam perlembagaan Umno iaitu perjuangan demi maruah bangsa, agama dan negara.

Pemimpin Umno pula seharusnya membicarakan prinsip perjuangan ini dengan

penuh kesungguhan dan minat. Dengan itu adalah diharapkan gelombang nasionalisme yang berpaksikan agama melanda dan menyerap ke dalam jiwa semua ahli Umno.

Pada ketika itu, Umno akan kembali mendapat tempat dalam jiwa orang Melayu.

CIKGU RAHIM,

Kuala Krai, Kelantan.

